

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

**TARIKH :** 19.3.2015

**SOALAN :**

**Dato' Hasbullah bin Osman [ Gerik ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dan perkembangan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Sejauh manakah peruntukan yang diluluskan melalui PRK telah dibelanjakan dan impaknya pada sekolah-sekolah berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha memastikan peningkatan kualiti pendidikan di sekolah agama. Sehubungan itu, bermula tahun 2013 hingga tahun 2015, di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) sebanyak RM185 juta telah diperuntukkan kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di seluruh negara.

Peruntukan ini telahpun dan akan dibelanjakan bagi tujuan pembekalan kemudahan-kemudahan dan keperluan seperti peralatan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dan perabot, pengubahsuaian dan penaiktarafan bangunan, pembinaan bangunan blok-blok tambahan seperti makmal sains, bengkel Kemahiran Hidup, blok akademik, dewan makan, kantin dan pondok pengawal. Selain itu, kerja-kerja

penyelengaraan, ubah suai naik taraf juga dilaksanakan di sekolah-sekolah berkaitan bagi memberikan keselesaan kepada pelajar-pelajar sekolah berkenaan. Sehingga kini sebanyak 140 buah SABK telah menerima peruntukan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang diluluskan melalui peruntukan PRK telah menampakkan impak positif terhadap peningkatan kualiti SABK seperti:

1. Melalui program peningkatan prestasi akademik di SMKA dan SABK sejak tahun 2009-2013, telah melonjakkan pencapaian cemerlang sekolah-sekolah berkenaan, contohnya seperti 43 buah SABK telah menerima Tawaran Baru (New Deal), 8 buah sekolah agama menerima anugerah Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT), dan 20 SMKA dan SABK diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK);
2. Pencapaian Band Sekolah dalam *National Key Result Area* (NKRA) juga menunjukkan peningkatan dengan sejumlah 41 SABK telah berada di Band 1, 2 dan 3. Tiada SABK berada di Band 7; dan
3. Sebanyak 216 Sekolah Agama Negeri dan Sekolah Agama Rakyat yang telah berdaftar sebagai SABK sehingga Februari 2015.